NOTIS PEMBERITAHUAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI
**********************************************

KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH TANGKAK

TARIKH KUATKUASA : 1 JUN 2021

**SILA AMBIL PERHATIAN!** Selaras dengan pengumuman Kerajaan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), hamper semua premis perniagaan dibenarkan beroperasi dengan syarat perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Pemilik premis dan perniagaan **DIWAJIBKAN MENGGUNAKAN aplikasi MySejahtera** bagi kawasan capaian internet yang luas. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan hanya dibenarkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain)

Pihak Majlis membenarkan semua premis atau pengusaha yang **mempunyai lesen perniagaan dari Majlis Daerah Tangkak yang SAH dan TERKINI sahaja** untuk beroperasi. **SEMUA** aktiviti premis perniagaan atau perusahaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh PKP diarahkan bagi had waktu operasi seperti berikut:

| BIL | JENIS AKTIVITI DIBENARKAN | WAKTU OPERASI DIBENARKAN | CATATAN / ARAHAN |
|---|---|---|---|
| 1. | KESIHATAN<br>a) Hospital & Klinik<br>b) Makmal Perubatan<br>c) Klinik Pergigian<br>d) Pusat Bersalin<br>e) Pusat Dialisis<br>f) Pusat Diagnostik<br>g) Pusat Optometri (Klinik Mata)<br>h) Pusat Fisioterapi / Rehabilitasi<br>i) Fasiliti Perubatan Tradisional dan Komplimentari | Seperti Biasa<br>SOP DIPERKETATKAN | Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP |
| 2. | a) Farmasi / Penjagaan Diri<br>b) Klinik Haiwan / Vaterinar | 8.00 pagi – 8.00 malam<br>SOP DIPERKETATKAN | Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP |
| 3. | PASAR BERBANGUNAN<br>a) Pasar Awam milik MDT<br>b) Pasar Awam Persendirian<br>c) Pasar Tani Kekal | a) 6.00 pagi – 2.00 petang<br>b) 6.00 pagi – 2.00 petang<br>c) 6.00 pagi – 4.00 petang<br>SOP DIPERKETATKAN | Dengan pemantauan anggota RELA serta<br>SOP DIPERKETATKAN |
| 4. | PERNIAGAAN BERPREMIS<br>a) Restoran<br>b) Kedai Makan / Kedai Buah-Buahan<br>c) Medan Selera / Pusat Penjaja<br>d) Gerai Makan Berbumbung<br>e) Kiosk<br>f) Gerai Makan milik MDT<br>g) Penjaja Menetap (warung/gerai) | 8.00 pagi – 8.00 malam<br>*Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT<br>SOP DIPERKETATKAN | i. Hanya dibenarkan jualan secara bawa pulang *(take away)*, penghantaran (delivery) dan pandu lalu *(drive-thru).*<br>ii. *Dine in* dan perkhidmatan *park & dine* TIDAK DIBENARKAN.<br>iii. Digalakkan membuat tempahan secara atas talian untuk *take away*<br>iv. TIDAK DIBENARKAN meletakkan kerusi dan meja untuk tujuan *dine in* dan *Park & dine*<br>v. Tidak dibenarkan berkumpul semasa menunggu pesanan<br>vi. Menggalakkan penggunaan peralatan makan *biodegradable* pakai buang |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | Stesen Minyak bersama *Mart* / Serbaneka | 6.00 pagi – 8.00 malam (kecuali operasi stesen minyak di lebuhraya bertol yang dibenarkan 24 jam) | Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP<br>SOP DIPERKETATKAN |
| 6. | PERNIAGAAN / PENJAJAAN TEPI JALAN<br>a) Penjaja Tepi Jalan (sementara) / Gerai Buah-Buahan<br>b) BURGER / Buah Bermusim<br>c) Penjaja Beredar / Bergerak<br>d) Kenderaan Saji / *Foodtruck*<br>e) *Food Street / Back Street*<br>f) Car Boot Sale<br>g) Luton Van | 8.00 PAGI - 8.00 MALAM<br><br>*Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT<br>SOP DIPERKETATKAN | i. Hanya dibenarkan jualan secara bawa pulang *(take away)*, penghantaran (delivery) dan pandu lalu *(drive-thru).*<br>ii. *Dine in* dan perkhidmatan *park & dine* TIDAK DIBENARKAN.<br>iii. Digalakkan membuat tempahan secara atas talian untuk *take away*<br>iv. TIDAK DIBENARKAN meletakkan kerusi dan meja untuk tujuan *dine in* dan *Park & dine*<br>v. Tidak dibenarkan berkumpul semasa menunggu pesanan<br>vi. Menggalakkan penggunaan peralatan makan *biodegradable* pakai buang |
| 7. | SEKTOR PERNIAGAAN & PERUNCITAN<br>a) Kompleks Membeli Belah<br>b) Pasaraya / Pasaraya Besar<br>c) Departmental Store | 8.00 pagi – 8.00 malam<br>*Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT<br><br>SOP DIPERKETATKAN | i. Di buka **terhad kepada seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja**<br>ii. Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** untuk berada di tempat awam dan kemudahan awam **kecuali** bagi tujuan kecemasan, rawatan, pendidikan dan senaman |
| 8. | SEKTOR PERNIAGAAN & PERUNCITAN<br>a) Kedai Cermin Mata dan barang optik<br>b) Kedai Penghantaran Pos & Kurier<br>c) Kedai Ubat-ubatan Tradisional<br>d) Kedai Serbaneka / Mini Mart<br>e) Dobi dan Dobi Layan Diri – **Syarat dobi layan diri perlu ada pekerja sentiasa dipremis bagi pematuhan SOP yang ditetapkan**<br>f) Kedai Barangan Bayi<br>g) Kedai Kek & Kelengkapan Membuat Kek<br>h) Kedai Makanan Sejuk Beku<br>i) Kedai Produk Kesihatan<br>j) Kedai Alatan Sembahyang<br>k) Kedai Hardware<br>l) Kedai Penjagaan Haiwan , Makanan Haiwan, Ubatan & keperluan berkaitan<br>m) Kedai Baja, Racun & Peralatan Pertanian<br>n) Kedai Membaiki Mesin, Jentera dan Alat Ganti<br>o) Bengkel Kenderaan , Penyelenggaraan dan Alat Ganti<br>p) Perkhidmatan Tunda (*Towing*) | 8.00 pagi – 8.00 malam<br>*Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT<br><br>SOP DIPERKETATKAN | i. Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** untuk berada di tempat awam dan kemudahan awam **kecuali** bagi tujuan kecemasan, rawatan, pendidikan dan senaman<br><br>Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | Kedai telekomunikasi (menjual telefon / membaiki telefon / menjual tambah nilai – top up) – **Jualan aksesori telefon tidak dibenarkan dan seksyen tersebut perlu ditutup** | **8.00 pagi – 8.00 malam** ***Hanya bagi pemilik / pengusaha yang memiliki lesen perniagaan yang sah dari MDT** SOP DIPERKETATKAN | Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP |
| 10. | SEKTOR PENGINAPAN / PERHOTELAN<br>a) Hotel / Hotel Apartment / Bajet Hotel<br>b) Motel / Rumah Penginapan | SEPERTI BIASA dengan SOP DIPERKETATKAN | **i. Hanya bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dan bukan tujuan pelancongan**<br>ii. Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP<br>iii. Tidak dibenarkan beroperasi fasiliti hotel, kolam renang, gym dan SPA<br>iv. Restoran /kafe/ dapur dibenarkan penyediaan secara *pack food / take away / delivery / room service* |
| 11. | SUKAN DAN REKREASI<br>a) Jogging<br>b) Senaman | 8.00 PAGI - 8.00 MALAM dengan SOP DIPERKETATKAN | Mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi termasuk mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2-3 meter dan dilakukan dikawasan kejiranan sahaja. |
| 12. | AKTIVITI KEAGAMAAN<br>a) Pengurusan Jenazah Orang Islam<br>b) Pengurusan Jenazah Orang Bukan Islam | SEPERTI BIASA | a) Mengikut Ketetapan pihak Berkuasa Negeri<br>b) mengikut ketetapan Kementerian Perpaduan Negara (KPN)<br><br>*Pihak MDT **TIDAK AKAN** mengeluarkan **Permit Tutup Jalan** dan **kebenaran pemasangan khemah** di dalam kawasan taman-taman perumahan dan kawasan seliaan MDT bagi aktiviti sosial dan urusan kematian sepanjang tempoh PKP dilaksanakan |
| 13. | **Penjagaan Sosial**<br>a) Pusat Jagaan Kanak-kanak<br>b) Pusat Jagaan Warga Emas / OKU / Wanita c) Pusat Jagaan Pelbagai | SEPERTI BIASA | Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP dibawah Kementerian, Jabatan atau Agensi berkaitan |
| 14. | **Sektor Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Komoditi**<br>a) Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaiannya (contoh: kedai menjual baja dan racun / kilang memproses buah sawit)<br>b) Perladangan dan komoditi serta rantaiannya (kelapa sawit, getah, lada dan koko)<br>c) Aktiviti memancing bagi tujuan sara hidup | SEPERTI BIASA | Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP dibawah Kementerian, Jabatan atau Agensi berkaitan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15. | **Sektor Pengilangan dan Pembuatan**<br>a) Aeroangkasa (komponen dan *maintenance, repair and overhaul* – MRO)<br>b) Makanan dan Minuman<br>c) Bahan Pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan<br>d) Barang-barang jagaan diri dan bahan pencuci<br>e) Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan<br>f) Peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangangetah dan peralatan<br>g) Komponen bagi peranti perubatan<br>h) Elektrik dan elektronik (kepentingan rantaian ekonomi global)<br>i) Minyak dan Gas *Oil and Gas*) termasuk petrokimia dan produk petrokimia<br>j) Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja<br>k) Tekstil yang melibatkan pengeluaran PPE<br>l) Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir | SEPERTI BIASA | i) Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP<br><br>ii) Pemilik syarikat dalam **sector pengilangan dan pembuatan** dalam perkhidmatan perlu mendaftarkan syarikat serta mendapat kebenaran beroperasi dengan MITI |
| 16. | **Sektor Pembinaan**<br>a) Kerja-kerja pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal<br>b) Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama<br>c) Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) | SEPERTI BIASA | i) Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP<br>ii) Kapasiti bekerja yang dibenarkan adalah secara optima |
| 17. | **Sektor Perkhidmatan Kewangan dan Rantaiannya**<br>a) Institusi Kewangan (Perbankan, kemudahan mesin ATM / CDM, Insurans, Takaful dan entity-entiti lain yang dilesen, dilulus atau didaftar oleh Bank Negara Malaysia<br>b) Entiti-entiti pasaran modal yang dilesen, didaftar atau dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia<br>c) Kredit Komuniti (pajak gadai dan Ar-Rahnu) | SEPERTI BIASA | Beroperasi sebagaimana yang ditetapkan dengan pematuhan SOP |

| JENIS AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN | | |
|---|---|---|
| **BIL** | **JENIS AKTIVITI** | **CATATAN / ARAHAN** |
| 1. | **Perniagaan Dan Perkhidmatan**<br>• Pasar Malam / Pasar Pagi / Pasar Tani / Car Boot Sale<br>• Kedai Nombor Ramalan (Magnum 4D, Toto, Damacai)<br>• Kedai Gambar / Menjual Kamera / Studio / Percetakan<br>• Kedai Menjual Alat & Penapis Air<br>• Kedai Menjual Permainan Kanak-Kanak<br>• Kedai Langsir / Permaidani<br>• Sekolah Memandu<br>• Kolam Memancing<br>• Kedai Mengecat Kenderaan<br>• Kedai Cuci Kereta termasuk Cuci Automatik<br>• Kedai Menjual Keranda / Batu Nisan ***(dibenarkan On Call sahaja)***<br>• Kedai Gas ***(dibenarkan On Call sahaja)***<br>• Kedai Getah ***(dibenarkan On Call sahaja)***<br>• Kedai / Bengkel Besi & Mengecat<br>• Kedai Menjual & Membaiki Basikal<br>• Kedai Menjual & Membuat Kunci<br>• Menjual & Membeli Barangan Kitar Semula<br>• Kedai Gunting Rambut / Salon Rambut<br>• Kedai Aksesori Kenderaan<br>• Kedai Peralatan Sukan<br>• Kedai Jubin Lantai<br>• Kedai Jahit Pakaian<br>• Kedai Akuarium & Peralatan Memancing<br>• Kedai Cermin / Bingkai Gambar<br>• Kedai Kain / Tekstile<br>• Kedai Menjual Pakaian / Kedai Barangan Pakaian Terpakai (Bundle)<br>• Kedai Barang Kemas / Fesyen dan Aksesori termasuk kasut, selipar, beg, topi dll)<br>• Kedai Antik<br>• Kedai Tembakau termasuk vape / rokok elektronik<br>• Kedai Aksesori Barangan Rumah dan peralatan dapur<br>• Kedai Perabot<br>• Kedai Emas<br>• Kedai Elektrik dan Elektronik<br>• Kedai Buku & Alat tulis<br>• Kedai Menjual dan Membaiki Jam<br>• Kedai Bunga / Nursery / Tapak Semaian / Barangan Lanskap<br>• Kedai Menjual Kenderaan & Kenderaan Terpakai<br>• Kedai Menjual Aksesori Telefon<br>• Kuari & Perlombongan<br>• Kedai Peralatan Muzik<br>• Perkhidmatan Internet / Kedai Komputer / Servis / Aksesori<br>• Kedai Menjahit Kasut / Kedai Kasut & Beg / Kedai Kasut Terpakai<br>• Pusat Peranginan<br>• Syarikat Pengendali Pelancongan<br>• Kedai Menjual Minyak Wangi / Menjual Kosmetik / Butik Kecantikan<br>• Kedai Aluminium / Kaca / Barang-Barang Plastik<br>• Menjual Alat-Alat Keselamatan<br>• Kedai Menjual / Membuat Cenderamata<br>• Perusahan /Peniaga Kecil dan Sederhana<br>• Kedai Menjual Peralatan Karaoke / Audio | TIDAK DIBENARKAN |

| | | |
|---|---|---|
| 2. | • Kedai Aksesori Wanita / Lelaki (Cincin, Rambut Palsu dll)<br>• Perkhidmatan Kerja Ke Rumah (Coway, potong rumput, pembersihan rumah, gunting rambut dll)<br>• Kedai Pengurup Wang / Pinjaman Wang Berlesen / Kiriman Wang (IME / Western Union dll)<br>• Kedai / Perkhidmatan Percetakan / Fotokopi / Logo /Stiker / Cap Getah (Rubber Stamp)<br>• Kedai Pengiklanan / Membuat Iklan<br>• Pejabat Urusan / Am / Agensi<br>• Pejabat Urusan / Kontraktor Hiasan Dalaman<br>• Pejabat Urusan / Jualan Agensi Hartanah / Pemaju Perumahan<br>• Pejabat Kontraktor (Pelbagai Perkhidmatan)<br>• Bengkel Kimpalan / Kejuruteraan<br>• Pejabat Persatuan / Kelab Komuniti | TIDAK DIBENARKAN |
| 3. | AKTIVITI HIBURAN<br>• Aktiviti di Kelab malam atau PUB<br>• Aktiviti konsert atau acara langsung dengan kehadiran penonton<br>• Aktiviti indoor / outdoor busking<br>• Pusat Hiburan Keluarga<br>• Arked Permainan<br>• Peralatan Mesin & Hiburan Teknologi<br>• Karaoke Keluarga & Pentas<br>• Permainan Video<br>• Kafe Siber (CC)<br>• Pusat Muzik (Jamming)<br>• Kedai Snooker<br>• Pawagam / Panggung Wayang | TIDAK DIBENARKAN |
| 4. | AKTIVITI EKONOMI<br>• SPA & Wellness<br>• Pusat Urut, Pusat Urut Kaki dan Refleksologi<br>• Perkhidmatan *Pedicure* dan *Manicure*<br>• Pusat Kecantikan<br>• Salon Kecantikan<br>• Kedai Dandanan Rambut<br>• Perkhidmatan Akupuntur<br>• Aktiviti Fotografi di kawasan *outdoor (OOTD)*<br>• Kolam Renang Persendirian / Tempat Belajar Berenang | TIDAK DIBENARKAN |
| 5. | AKTIVITI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN<br>• Taman Awam PBT<br>• Hutan Rekreasi & Air Terjun<br>• Taman Tema<br>• Zoo / Mini Zoo / *Farms*<br>• Pusat Akuarium / Pusat *Edutainment*<br>• *Extreme / Adventure / Nature Parks*<br>• Premis Hasil Seni, Budaya dan Warisan<br>• Muzium / Galeri Seni / Pusat Seni Warisan / Kampung Seni<br>• Warisan Budaya / Pentas dan Persembahan Budaya<br>• Perpustakaan | TIDAK DIBENARKAN |
| 6. | Tadika , Tabika , Taska<br>Taska, tadika di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat serta pusat perkembangan minda bagi kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun | Tidak dibenarkan kecuali hanya untuk anak-anak di mana kedua-dua ibu bapa dan penjaga merupakan *frontliner* dan bekerja dalam perkhidmatan perlu |

| | | |
|---|---|---|
| 7. | AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI<br>• Dewan Badminton, Dewan Futsal, Kompleks Sukan dan Pusat-pusat Sukan Lain<br>• Pusat Senaman & Gimnasium<br>• Berbasikal<br>• Pengoperasian premis / fasiliti sukan TANPA kawalan penyeliaan<br>• Penganjuran kejohanan antarabangsa TANPA KEBENARAN daripada KBS<br>• Aktiviti penganjuran kejohanan / pertandingan dengan KEHADIRAN penyokong / penonton selain<br>• Aktiviti Massa<br>• Aktiviti yang dijalankan di luar kawasan arahan pergerakan yang sedang berkuatkuasa kecuali mendapat kebenaran | TIDAK DIBENARKAN |
| 8. | AKTIVITI PELANCONGAN & KEBUDAYAAN<br>• Aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB, di kawasan PKP dan PKPD<br>Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegawa dan aktiviti dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada Negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri | TIDAK DIBENARKAN |
| 9. | SEKTOR PENDIDIKAN<br>• Pusat Tuisyen<br>• Pusat Tahfiz<br>• Kelas Tarian<br>• Kelas Muzik & Nyanyian<br>• Pusat Latihan Komputer<br>• Kelas Mengaji<br>• Kelas Bahasa dan sebagainya | TIDAK DIBENARKAN |
| 10. | LAIN-LAIN AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN<br>• **Pergerakan rentas daerah dan negeri** lain **TANPA KEBENARAN PDRM**<br>• **Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal** dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan<br>• Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa | TIDAK DIBENARKAN |

## PROTOKOL KESIHATAN

- Kanak-kanak berumur **12 tahun** ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** untuk berada di tempat dan kemudahan awam **kecuali bagi tujuan kecemasan, rawatan dan pendidikan**
- Pemegang lesen dan pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dengan penjarakan fizikal 1 meter radius dalam sesuatu masa
- **Setiap premis perlu memaparkan jumlah had kemasukan pelanggan pada sesuatu masa. Penggunaan sistem nombor giliran perlu digalakkan bagi pelanggan masuk dari sesuatu premis**
- Pekerja, pembekal dan pelanggan **diwajibkan** memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM ketika berada di premis.
- Memastikan ventilasi dan system pengudaraan yang baik di premis
- **Diwajibkan** memakai pelitup muka terutama apabila berada di tempat awam yang sesak **KECUALI** bagi aktiviti dan tempat seperti berikut:

  a. Kediaman sendiri dan melibatkan ahli isi rumah;

  b. Bilik Hotel / Penginapan Berbayar Bersendirian dan melibatkan ahli isi rumah;

  c. Ruang kerja bersendirian.

| PROTOKOL KESIHATAN |
| --- |
| d. aktiviti sukan & rekreasi *indoor* dan *outdoor*;<br>e. Kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah;<br>f. Kawasan dan tempat awam indoor / outdoor tanpa ada individu lain; dan<br>g. sewaktu makan dan minum di tempat awam tanpa ada individu lain. |

Peringatan tentang Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit:

i Mewajibkan pelanggan/ pekerja *Check In* aplikasi **MySejahtera** atau merekod secara manual sebelum memasuki premis.

ii Mewajibkan/ menggalakan pemakaian topeng muka *(face mask)* kepada semua pekerja yang sedang bertugas mengikut jenis perkhidmatan.

iii Semua pemilik/pengusaha premis diminta mengikuti **Langkah-langkah Kerja Pembersihan (Disinfeksi)** menggunakan cecair pencuci dengan kandungan sodium hypochlorite yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna sama oleh orang ramai terutamanya troli, bakul barangan, tombol pintu, kaunter bayaran, eskalator, nozzle pump, dan sebagainya **secara kerap atau sebaik-baiknya pada setiap kali digunakan.**

iv Pemilik/pengusaha MESTILAH menyediakan pensanitasi tangan (hand sanitiser) berasas alkohol atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun untuk kegunaan pekerja/pelanggan serta penyediaan termometer bagi mengukur suhu badan pelanggan **(maksima 37.5 ˚C)** sebelum memasuki premis **(Mengikut pada kesesuaian jenis aktiviti serta SOP yang dikeluarkan oleh MKN)**

v. Memantau jarak selamat (1 meter atau lebih) antara satu dengan yang lain sama ada dalam kalangan pengunjung mahupun pekerja di kawasan premis.

vi. Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit lain yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.

vii. Kegagalan mematuhi arahan akan dikenakan tindakan undang-undang dibawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta342) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini BERMULA 1 JUN 2021 sehingga 14 JUN 2021 **atau selagi tempoh PKP berkuatkuasa** selaras dengan peruntukan kepada kuasa **Majlis Daerah Tangkak** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).**

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari masa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan;

Yang DiPertua
Majlis Daerah Tangkak

.